

CUEPACS sokong, syor beri kelegaan kewangan

Kuala Lumpur: Syor supaya Kementerian Kewangan menyemak semula kadar pelepasan cukai pendapatan individu ialah cadangan yang mampu menyokong kesejahteraan penjawat awam, di samping mengekalkan kemampuan fiskal negara.

Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat, berkata cadangan di-kemuka bekas Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, iaitu kadar RM9,000 ketika ini yang kekal sejak 15 tahun lalu dinaikkan secara berperingkat kepada RM12,000 disokong selaras dengan perkembangan semasa ekonomi dan kos sara hidup.

"Cadangan kenaikan kadar pelepasan cukai secara berhemah dan berperingkat itu dapat memberikan kelegaan kewangan, khususnya kepada penjawat awam dalam kumpulan pelaksanaan yang baru sahaja menikmati pelarasan gaji 15 peratus mene-

Saran kerajaan semak semula kadar pelepasan cukai pendapatan individu



Keratan
akhbar BH.
Ahad,
semalam.

rusi pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

"Walaupun kenaikan gaji itu amat dihargai, CUEPACS berpendapat penyesuaian dari aspek percukaian ialah pelengkap penting bagi memastikan peningkatan pendapatan diterima benar-benar dapat dirasakan penjawat awam selepas mengambil kira potongan cukai dan perbelanjaan harian semakin meningkat," katanya kepada *BH*, semalam.

Guan Eng sebelum ini menyatakan beliau akan menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk

Seri Anwar Ibrahim minggu depan berhubung syor supaya kerajaan menyemak semula kadar pelepasan cukai pendapatan individu.

Adnan berkata, langkah menaikkan kadar pelepasan cukai itu pendekatan bersifat seimbang kerana membantu meningkatkan pendapatan boleh guna penjawat awam tanpa memberi implikasi besar kepada struktur gaji atau perbelanjaan kerajaan.

"Ini juga menunjukkan keprihatinan kerajaan memastikan kebajikan penjawat awam terus terpelihara selari dengan usaha reformasi perkhidmatan awam.

"CUEPACS akan terus bekerjasama dengan kerajaan dan pihak berkepentingan bagi memastikan dasar percukaian yang dilaksanakan adil, progresif dan mengambil kira realiti sebenar kehidupan penjawat awam," katanya.